

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI
TERENGGANU
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,
2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP MUKADIMAH OLEH
YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**15 OGOS 2019
BILIK GERAKAN NEGERI
WISMA DARUL IMAN, TERENGGANU**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera

Yang saya hormati

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar,

Menteri Besar Terengganu

Yang Berhormat Senator Dr. Radzi Jidin

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi

Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah

Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berhormat Dato' Bentara Dalam

Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

Yang Berbahagia Dato' Dr. Noor Zari Hamat

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Yang Berhormat Dato' Mohd Zahari Md Azahar

Pegawai Kewangan Negeri Terengganu

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu

Pegawai-pegawai Kerajaan di Negeri dan Jabatan Persekutuan

Tuan-tuan dan puan-puan

Saudara-saudari yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah saya panjatkan rasa syukur kerana pada hari ini, saya dan pimpinan tertinggi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dapat turun ke Negeri Terengganu dan esok ke Negeri Pahang. Kebetulan kedua-dua negeri ini tidak sehaluan dengan saya. Tetapi saya amat yakin dengan kepimpinan YAB Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar dan YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat Negeri Terengganu dan bersama secara kolektif untuk membangunkan Negeri Terengganu dan rakyat Negeri Terengganu. InsyaAllah.

2. Dan inilah prinsip federalisme yang ditegaskan pihak YAB Menteri Besar sebentar tadi. Yang ingin kita bangkitkan semula, hidupkan semula, dan suburkan semula demi kepentingan negeri dan rakyat Negeri Terengganu.
3. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri dan pimpinan Kerajaan Negeri yang telah menonjolkan komitmen yang tinggi dengan penglibatan yang proaktif dalam sesi temu tembung pada pagi ini.
4. Ini kali pertama libat urus yang dihadiri oleh saya dan Timbalan Menteri. Biasanya kami telah menjelajah ke lapan negeri. Sama ada saya ataupun Timbalan Menteri. Tapi, Terengganu ini *special*. Saya dan juga Timbalan Menteri. Itulah hebatnya Negeri Terengganu. Kerana bagi saya, Terengganu merupakan negeri yang penting dalam usaha kami menggubal Rancangan Malaysia Kedua Belas.
5. Memandangkan salah satu matlamat utama, pelan jangka panjang ini adalah untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah. Kerajaan Persekutuan insaf tentang

wujudnya pembangunan yang besar antara Terengganu dan negeri-negeri di Pantai Barat.

6. Pendapatan purata bulanan isi rumah Terengganu adalah RM5,776 atau 17% lebih rendah berbanding dengan pendapatan purata nasional sebanyak RM6,958.
7. Sehubungan itu, merapatkan jurang perbezaan ini adalah antara teras utama RMKe-12 bagi Negeri Terengganu dan ianya juga selaras dengan objektif utama Wawasan Kemakmuran Bersama yang dilontarkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Mei 2019 yang lalu.
8. Demi menjayakan agenda ini, pembangunan berpaksikan pertumbuhan diberi keutamaan dengan Peruntukan Pembangunan (DE) sebanyak RM988.5 juta kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2019. Ini merupakan peningkatan peruntukan sebanyak 4.1% berbanding tahun sebelumnya.
9. Kerajaan Persekutuan juga telah membuat bayaran royalti petroleum yang berjumlah RM1.053 bilion bagi tahun 2018 kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Saya percaya jumlah

ini akan memberi suntikan baru kepada trajektori pembangunan Negeri Terengganu.

10. Wacana kita pada pagi ini merupakan langkah pertama Kerajaan Persekutuan untuk mendengar pandangan, untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan daripada Kerajaan Negeri dalam penggubalan Rancangan Malaysia Kedua Belas. Pertemuan ini penting bagi merealisasikan potensi pertumbuhan ataupun *growth potential* bagi Negeri Terengganu.
11. Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada bidang ekonomi berimpak tinggi seperti sektor pengangkutan dan logistik, kegiatan ekonomi hiliran, pelancongan dan pertanian pintar.
12. Bagi meningkatkan lagi pencapaian negeri dalam menarik pelaburan langsung domestik (DDI) dan pelaburan langsung asing (FDI), Kerajaan Persekutuan akan membangunkan ekosistem yang memupuk keusahawanan, menjana aktiviti perindustrian dan meningkatkan rantai nilai perniagaan dan perdagangan.

13. Dalam pada itu, Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) 2.0 menyasarkan pelaburan swasta berjumlah RM26 bilion yang dijangka memberi impak yang tinggi ke atas pertumbuhan ekonomi negeri serta mencipta 36,600 peluang pekerjaan dan membangunkan 15,550 usahawan di Negeri Terengganu.
14. Dengan pelancaran semula Projek Laluan Rel Pantai Timur ataupun (ECRL), Kerajaan perlu mengorak langkah baru bagi mengambil manfaat daripada peningkatan kesalinghubungan antara Negeri Terengganu dengan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi di Pantai Barat.
15. Sepanjang jajaran ECRL, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan mengenal pasti aktiviti ekonomi Koridor Pantai Timur termasuk pertanian dan industri asas tani berteknologi tinggi, eko-pelancongan, aktiviti pelancongan dan perindustrian yang bersesuaian dengan setiap bandar. Kerajaan juga akan mengenal pasti aktiviti ekonomi baru termasuk pelancongan dan industri yang bersesuaian sepanjang cadangan lebuh raya Pantai Timur yang boleh mendorong penghijrahan masuk dan tenaga mahir ke wilayah ini.

16. Ini termasuk penjanaan aktiviti ekonomi menerusi industri hiliran berdasarkan minyak dan gas seperti yang diterangkan oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar, eko-pelancongan dan sektor pertanian dan industri asas tani yang berteknologi tinggi.
17. Industri petrokimia merupakan sektor strategik Negeri Terengganu di mana potensi ekonomi masih belum diterokai sepenuhnya. Maka, melalui RMKe-12, kita memberi tumpuan kepada aktiviti menambah nilai kepada produk petrokimia seperti Aromatik, Ammonia, Polimer dan Glikol.
18. Pelaksanaan Koridor Pertumbuhan Kemaman-Kerteh di bawah Pelan Induk ECER 2.0 yang merangkumi Taman Industri Bio-polimer Kerteh sedang dibangunkan sebagai hab untuk produk berdasarkan bio dan petrokimia.
19. Kerajaan Persekutuan juga mengambil maklum perancangan Kerajaan Negeri dalam agenda membangunkan Lembah Silika Terengganu ataupun (*Terengganu Silica Valley*) yang bakal menarik pelaburan swasta sebanyak RM13 bilion di samping mewujudkan 7,200 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi baharu menjelang

2028. Inisiatif ini dilihat sebagai satu peluang yang boleh dibangunkan oleh pihak swasta sepenuhnya.

20. Dalam sektor perkhidmatan di Negeri Terengganu, sebanyak tujuh kluster eko-pelancongan telah dikenal pasti. Sehubungan itu, Pusat Bandar Kuala Terengganu (KTCC) dibangunkan sebagai Gerbang Pelancongan dan hab pelancongan strategik yang melibatkan pelaburan swasta berjumlah RM6.3 bilion.
21. KTCC juga akan dimajukan sebagai Bandar Warisan Pesisir Air dan Gerbang Pelancongan Pulau untuk menarik pelancong ke Pulau Perhentian, Pulau Redang dan Pulau Kapas.
22. Bagi meningkatkan kesalinghubungan darat (*land connectivity*), kos sebanyak RM35 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja awalan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3). Kerja-kerja fizikal dijangka dapat dimulakan pada tahun 2021.
23. Pembangunan logistik dan pengangkutan ini (LPT3 dan ECRL) pasti akan membuka pasaran terus industri desa (*cottage industry*) di Negeri Terengganu ke Pantai Barat.

Terengganu amat terkenal dengan industri desa yang merupakan ekonomi berpaksikan rakyat serta mencerminkan keunikan dan kepelbagaiannya budaya dan kreativiti negeri. Maka, kita perlu menggarap potensi kesalinghubungan yang dibina untuk mengembangkan industri ini.

24. Dalam sektor pertanian, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang baru sahaja melancarkan Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023.
25. Sektor pertanian pintar adalah antara sektor utama tumpuan RMKe-12 selari dengan perkembangan Revolusi Perindustrian Keempat ataupun IR 4.0.
26. Pertanian pintar yang merangkumi penggunaan *drone*, *Internet of Things* (IoT) serta pembangunan agro-robotik akan meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil. Penggunaan teknologi baru juga mendorong penyertaan golongan belia tempatan untuk berkecimpung dalam bidang ini.

27. Selain itu, proses penyatuan tanah akan dilaksanakan demi pengurusan ladang yang lebih cekap dan mencapai ekonomi bidangan ataupun (*economies of scale*).
28. Saya yakin sasaran Kerajaan Negeri untuk membangunkan tanah-tanah kosong untuk aktiviti pertanian akan meningkatkan taraf hidup golongan petani di Negeri Terengganu sekali gus menerajui sektor pertanian negara dan menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain.
29. Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedang berbincang dengan GLC di peringkat Persekutuan termasuk Petronas untuk melancarkan satu Program Pembiayaan Mikro yang bernilai RM100 juta khusus untuk Negeri Terengganu. Yang disasarkan kepada golongan B40 dan rakyat yang memerlukan bantuan untuk menjalankan perusahaan pertanian yang berteknologi tinggi.
30. Inisiatif ini akan dilaksanakan dengan mewujudkan perkongsian pelaburan dengan institusi pembiayaan yang terpilih yakni bukan bank komersil tetapi salah satu institusi kewangan yang mempunyai prestasi yang membanggakan dalam pembiayaan mikro dan terkenal, mempunyai latar

belakang yang kukuh dalam menyediakan pembiayaan yang berpatutan kepada masyarakat miskin dan terpinggir.

31. Peruntukan RM100 juta akan diagihkan sama rata dalam dua fasa. Fasa pertama RM50 juta bertujuan menggalakkan usahawan yang mahir untuk menjalankan perniagaan berasaskan pertanian ataupun *agropreneur* serta menyediakan pembiayaan untuk petani yang terlibat dalam program pembiayaan mikro.
32. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan golongan B40 dengan program seperti program kepimpinan dan program-program pembiayaan ladang kontrak dan berkelompok.
33. Objektif program sasaran adalah menyediakan modal kerja untuk membeli ternakan daripada pembekal yang berdaftar terutamanya semasa musim perayaan dan menyediakan pembiayaan untuk menyokong kos pengeluaran untuk *agropreneur*.

34. Dalam fasa yang kedua ini, iaitu RM50 juta adalah untuk membantu pelanggan bank yang sedia ada di bawah segmen B40 dan mikro, serta peserta-peserta yang layak di bawah Program Yayasan Petronas, Sentuhan Harapan. Program baru akan dikenal pasti untuk mengukuhkan usahawan *agropreneur* dan usahawan perniagaan lain di bawah segmen B40 dan mikro.
35. Sukacita saya memaklumkan perbincangan saya dengan pihak Petronas semalam memperuntukkan RM100 juta pada prinsipnya telah pun disediakan khusus untuk Negeri Terengganu.
36. Pencapaian ini perlu berlandaskan pelaksanaan projek pembangunan berpaksikan rakyat supaya Prinsip Kemakmuran Bersama dapat direalisasikan. Kita perlu bekerja dan berganding bahu kerana kejayaan bergantung pada kerjasama yang erat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
37. Saya meletakkan harapan yang begitu tinggi supaya sesi libat urus pada pagi ini kan memperolehi sumbangan saran yang positif dan hala tuju pembangunan negeri yang dijajarkan dengan hasrat pembangunan negara.

38. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri, selaku Menteri Besar Negeri Terengganu yang telah memberikan ruang ini kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk mendapatkan maklum balas, pandangan dan cadangan daripada Kerajaan Negeri kerana hanya Kerajaan Negeri yang lebih arif tentang senarai keutamaan perancangan pembangunan di peringkat negeri dan di peringkat daerah untuk dipertimbangkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam menggubal Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Terima kasih.